

10/04/2000

PM minta rakyat usah sertai demonstrasi

KUALA LUMPUR, Ahad - Penyokong Parti Keadilan Nasional (Keadilan) merancang mengadakan rusuhan di ibu kota pada 15 April ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menegaskan beliau mempunyai maklumat mengenai rancangan itu, Perdana Menteri meminta rakyat supaya tidak bertindak sedemikian dan menggunakan saluran tertentu untuk melahirkan rasa tidak puas hati mereka.

"Saya dengar Keadilan pun ada demonstrasi pada 15 haribulan ini dengan tujuan hendak memperingati sesuatu dan mereka bersedia nak pukul polis, nak bawa senjata, kayu, macam-macam dan nak buat molotov cocktail pun," katanya kepada pemberita di Mines Resort di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kejadian Ketua Umno cawangan Kampung Teluk Ira dekat Temerloh, yang didakwa dipukul penyokong Pas selepas menunaikan sembahyang Jumaat di masjid kampung itu.

Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohamed Noor dalam ceramahnya di Cheras bulan lepas berkata, beliau akan mengetuai satu perarakan ke Istana Negara di sini sempena ulang tahun pertama bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijatuhi hukuman penjara enam tahun kerana menyalah guna kuasa.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Mohd Ali mengesahkan penyokong parti Keadilan sedang merancang mengadakan demonstrasi haram itu dan menasihatkan orang ramai supaya tidak menyertainya.

Dr Mahathir berkata, wujud kecenderungan di kalangan parti pembangkang sekarang untuk menggunakan kekerasan dan mencabul undang-undang negara jika mereka tidak berpuas hati terhadap sesuatu perkara.

(END)